

10/07/2004

UUM anugerah Tun Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah ijazah kehormat

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) akan menganugerahi Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, masing-masing Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Pembangunan) dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) pada Majlis Konvoquesyen Khas universiti itu, 15 Julai ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri (gambar), berkata anugerah berkenaan yang akan disampaikan Canselor universiti itu, Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Almarhum Sultan Badlishah pada majlis dijadualkan berlangsung di Dewan Mu'adzam Shah, Sintok.

Beliau berkata, anugerah itu sebagai penghargaan kepada bekas Perdana Menteri dan isteri yang banyak menyumbang jasa dalam usaha menubuh dan mengembangkan universiti itu.

Malah, beliau berkata, Tun Dr Mahathir yang mengilhamkan penubuhan universiti bagi menampung permintaan melanjutkan pelajaran tinggi yang semakin meningkat, sekali gus mengatasi kekurangan tempat di universiti awam lain.

Berikutan itu, katanya, pada Ogos 1983 kerajaan mengarahkan Kementerian Pendidikan (ketika itu) supaya menjalankan kajian penubuhan universiti itu, disusuli kelulusan Kabinet pada 19 Oktober tahun sama.

Sebagai salah seorang kakitangan perintis penubuhan UUM, Dr Ahmad Fawzi berkata, warga universiti itu sewajarnya menghargai usaha kerajaan menubuhkan universiti itu di Sintok, sekali gus menukarkan kawasan itu sebagai satu lagi 'gedung ilmu' disegani di negara ini.

(END)